

Headline	<b>Penyanyi sebar HIV diikat jamin</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>23. Apr 2009</b>	Page No	<b>50</b>
Media Title	<b>Kosmo</b>	Article Size	<b>187</b> cm2
Section	<b>Dunia</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>120000</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>234000</b>	AdValue	<b>1626.25</b>



BENAISSA

## Penyanyi sebar HIV diikat jamin

BERLIN – Seorang bintang pop seksi, Nadja Benaissa yang didakwa pihak polis sengaja mengakibatkan rakan seks lelaki-nya dijangkiti virus HIV, dibebaskan dengan ikat jamin selepas 10 hari dipenjara, lapor sebuah akhbar semalam.

Seorang majistret membenarkan Benaissa yang berumur 26 tahun diikat jamin tetapi pihak pendakwa raya menegaskan dakwaan terhadapnya tidak akan digugurkan.

Berikutan dakwaan sengaja menyebarkan HIV tidak digugurkan, penyanyi kumpulan No Angels itu masih berdepan dengan hukuman penjara 10 tahun jika dia didapati bersalah.

Benaissa didakwa melakukan hubungan seks bersama tiga orang lelaki yang tidak memakai kondom.

Dia tidak menjelaskan kepada tiga rakan seksnya bahawa dia merupakan pembawa HIV positif antara 2004 dan 2006.

Bagaimanapun, setakat ini hanya seorang daripada tiga lelaki terbabit yang mendakwa dijangkiti virus HIV.

Sebelum ini, album Benaissa pernah terjual lebih 5 juta unit ketika dia menjadi anggota kumpulan wanita paling popular, No Angels.

Benaissa menjadi terkenal selepas dia dan empat lagi wanita lain menjuarai musim pertama sebuah pertandingan uji bakat bintang pop pada 2000.

Namun, kumpulan No Angels berpecah pada 2003 tetapi bersatu semula pada 2007.

Benaissa ditangkap polis di Frankfurt, sejurus sebelum dijadualkan beraksi untuk persembahan solonya. – Agensi